



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KOS PEMBAHARUAN PERMIT PEKERJA DOMESTIK ASING (PDA)

1. Majikan yang menggajikan Pekerja Domestik Asing (PDA) wajib membuat pembaharuan permit kerja PDA yang digajikan setiap tahun. Pembaharuan permit perlu dibuat seawal 3 bulan sebelum tamat tempoh permit. Permohonan Pembaharuan permit boleh dibuat oleh majikan atau dengan melantik Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). Senarai APS ini boleh disemak di laman sesawang JTKSM.

2. Bayaran yang perlu ditanggung oleh majikan PDA adalah meliputi bayaran levi, bayaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan bayaran proses bagi pembaharuan permit kerja (lanjutan PLKS). Selain itu, majikan juga perlu membuat bayaran untuk visa yang kadarnya adalah berbeza mengikut negara asal. Sebagai contoh, kos pembaharuan permit bagi PDA warganegara Indonesia yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah:-

i. Levi	=	RM410
ii. PLKS	=	RM60
iii. Proses	=	RM125
iv. Visa	=	RM15
JUMLAH		RM610

Maklumat lengkap bayaran yang ditetapkan oleh JIM boleh dirujuk di laman sesawang JIM. Kos yang dinyatakan di atas adalah tidak termasuk kos pemeriksaan kesihatan PDA (FOMEMA) yang dibuat pada setiap tahun pertama, kedua, ketiga dan setiap 2 tahun berikutnya dengan tidak melebihi RM200. Pembaharuan pasport yang tamat tempoh juga mempunyai bayarannya yang ditentukan kedutaan negara asal PDA masing-masing.

3. Pada masa ini, pengurusan penggajian PDA bagi warganegara Indonesia adalah disyaratkan dibuat menerusi APS yang berdaftar dengan JTKSM. Oleh itu, mana-mana kos tambahan yang dikenakan oleh pihak APS adalah tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak manakala proses pembaharuan permit PDA selain daripada PDA warganegara Indonesia boleh dibuat sendiri oleh majikan secara dalam talian menerusi portal e-PLKS@JIM.

4. Majikan yang berhasrat untuk menggajikan PDA diingatkan agar tidak terpedaya dengan tawaran agensi haram atau yang tidak berdaftar dengan JTKSM untuk mendapatkan PDA dengan bayaran perkhidmatan yang tidak munasabah. Sebarang pertanyaan berkaitan proses penggajian PDA boleh dirujuk ke JTKSM di talian 03-8888 9111 atau email kepada maid.ocs@mohr.gov.my.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
17 NOVEMBER 2023**